

HARI : SELASA
TARIKH : 31/12/2019
M/SURAT : 1

Program
Subsidi
Petrol
ditangguh


Muka 2

Selasa, 31 Disember 2019

7 Jamadilawal 1441H

Tel: 1300 22 6787

PP 444/10/2012 (030686)



Sesi penjelasan, penerangan diterus

Kabinet berpendapat rakyat perlu diberi kefahtaman

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Siti Sofia Md Nasir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Program Subsidi Petrol mulai esok ditangguhkan sehingga ke satu masa yang akan diumumkan kemudian, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, keputusan untuk menangguhkan program itu dicapai pada mesyuarat Kabinet pada 18 Disember lalu untuk membolehkan sesi penerangan dan penjelasan diteruskan bagi memberi kefahtaman dan mempersiapkan rakyat menerima pelaksanaan program itu.

Katanya, keputusan itu juga bagi memberi ruang kepada proses pendaftaran penerima dari pada golongan isi rumah berpendapatan pertengahan 40 peratus (M40) yang akan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

"Sementara menunggu pengesahan pelaksanaan program diumumkan, rakyat akan terus menikmati harga petrol berdasarkan sistem sedia ada."

sarkan sistem sedia ada," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kerajaan pada 7 Oktober lalu mengumumkan pelaksanaan Program Subsidi Petrol dengan peruntukan RM2.4 bilion dalam Belanjawan 2020 yang sepatutnya dilaksanakan esok, selaras manifesto Pakatan Harapan.

Program subsidi bersasar yang bertujuan menangani ketirisan bekalan bahan api itu dijangka memberi manfaat kepada lapan juta penerima daripada kelompok B40 dan M40 yang ketika ini berdepan peningkatan kos sara hidup.

Mereka yang layak akan dibерikan subsidi petrol sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik ke-

reta atau RM12 sebulan untuk pemilik motosikal yang disalurkan dalam bentuk pemindahan tunai dan dikreditkan terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan.

Berikut pelaksanaan program itu, harga petrol RON95 dan diesel akan diapungkan secara beransur-ansur.

Pada sidang media selepas menghadiri Program Kembali Ke Sekolah bersama Mydin di Mydin Bukit Mertajam petang semalam, Saifuddin berkata pelaksanaan program itu ditangguhkan sehingga Jemaah Menteri berpuas hati dan berpendapat ia boleh dilaksanakan dalam satu tempoh nunasabah.

"Tiada masalah dengan program ini kerana semuanya kita sudah lengkapkan. Kita sudah bangunkan sistem data penerima lengkap dengan nombor akaun, kaedah bayaran, malah kami juga sudah mengadakan simulasi bersama Jabatan Statistik.

"Namun, Kabinet berpendapat program ini masih memerlukan penerangan lebih lanjut kepada rakyat, jadi kita terima (keputusan itu)," katanya.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata pihaknya tidak kecewa dengan keputusan penangguhan itu biarpun semua persiapan sudah dilakukan sejak awal tahun ini.

"Tiada mana-mana pihak yang patut berasa kecewa atau rugi kerana mereka masih menikmati harga subsidi kerajaan sekarang," katanya.

Sementara menunggu pengesahan pelaksanaan program diumumkan, rakyat akan terus menikmati harga petrol berdasarkan sistem sedia ada.

**Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna**

HARI : SELASA
TARIKH : 31/12/2019
M/SURAT : 2

Program Subsidi Petrol ditangguh



Saifuddin bersama penerima pada majlis penyampaian kelengkapan sekolah di Mydin Jalan Baru, Bukit Mertajam, semalam.
(Foto Danial Saad/BH)